

18 AUG 1997

Mahathir-Lawat (Dengan gambar)

DR MAHATHIR MELAWAT PROJEK DI KUCHING

KUCHING, 18 Ogos (Bernama) --Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini melawat dua tapak projek utama -- kawasan tambak laut seluas 1,200 hektar di Demak Laut dan projek pelabuhan air dalam Kuching di Kampung Senari kira-kira 20km dari sini.

Projek berharga RM3 bilion itu dikendalikan oleh syarikat kejuruteraan Hock Seng Lee Berhad (HSLB) termasuk kerja menambak untuk skim perumahan kos murah selain tapak untuk taman perindustrian moden dan bandar baru.

Dr Mahathir yang diiringi Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud meninjau penggunaan teknik terkini dalam penambakan dan pemulihan tanah.

Demak Laut adalah antara kawasan perindustrian baru di Sarawak dalam pembangunan perindustriannya.

Perdana Menteri kemudian melawat pelabuhan air dalam Senari berharga RM300 juta dan diberi taklimat oleh pengerusi eksekutif HSLB Dennis Yii dan pengarah urusan Paul Yu mengenai aspek teknikal projek.

Dr Mahathir juga melawat pameran fotografi mengenai pelabuhan itu.

Pelabuhan itu akan dapat menampung pertambahan kargo maritim berikutan kepesatan ekonomi Sarawak. Ia dijangka mula beroperasi Januari tahun depan.

Dr Mahathir mengadakan lawatan dua hari ke Sarawak bermula hari ini. --

BERNAMA

CJ AHH